

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PUSAT HIBURAN

- A. Lesen yang dikeluarkan tertakluk kepada Undang-undang berikut yang berkaitan**
1. Akta Kerajaan Tempatan 1976.
 2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
 3. Enakmen Hiburan & Tempat-tempat Hiburan 1995.
 4. Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996.
 5. Undang-Undang Kecil dan Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007.
 6. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ) 2007.
 7. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MBPJ) 2005.
 8. Undang-Undang Kecil Iklan (MBPJ) 2007.
 9. Lain-lain Undang-Undang kecil yang terlibat yang digunakan dari masa ke semasa.
- B. Sekatan-sekatan Lesen**
1. Lesen ini hanya sah mulai tarikh bayar sehingga tarikh tamat yang dicetak pada lesen ini.
 2. Semua Pusat Hiburan hendaklah menghadkan operasi sehingga jam 1.00 pagi sahaja kecuali di tempat-tempat yang diluluskan melebihi jam 1.00 pagi.
 3. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki mana-mana Pusat Hiburan tanpa disertai ibu bapa atau penjaga yang sah.
 4. Mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburan ini tidak melebihi 60 decibel.
 5. Mesti mengadakan pencahayaan secukupnya dalam pusat hiburan tidak kurang daripada 30 lux.
 6. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada penyalahgunaan lesen yang dikeluarkan kepadanya selain dari tujuan asal lesen tersebut.
 7. Tiada hiburan berbentuk lucah dan ganas boleh diadakan di tempat hiburan.
 8. Tidak dibenarkan mana-mana orang menghisap rokok/ cerut/ paip dan lain-lain termasuk dadah di tempat hiburan.
 9. Tidak boleh menjual sebarang rokok/ cerut atau sebarang tembakau di dalam tempat hiburan.
 10. Tidak dibenarkan mana-mana orang menjual dadah atau cecair yang boleh menghayalkan di dalam tempat hiburan.
 11. Tidak dibenarkan mana-mana orang menjual dadah atau pil khayal di dalam tempat hiburan ini.
 12. Tiada orang mabuk dibenarkan masuk atau berada di dalam tempat hiburan.
 13. Tidak dibenarkan mana-mana pelanggan/ pengunjung atau pekerja memakai pakaian yang mengghairahkan atau menjolok mata.

14. Memastikan pengunjung dan pelanggan dan pekerja beragama Islam berpakaian menutup aurat di dalam tempat hiburan.
15. Tidak dibenarkan mana-mana pelanggan atau pengunjung memasuki premis hiburan ini berpakaian menjolok mata.
16. Memastikan tiada sebarang pertaruhan, loteri atau perjudian diadakan.
17. Tiada orang Islam dibenarkan meminum minuman keras atau alkohol di dalam tempat hiburan.
18. Tidak dibenarkan mana-mana orang membawa apa-apa senjata di dalam apa bentuk di dalam bentuk hiburan.
19. Tidak boleh ada aktiviti Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dibenarkan berada di dalam tempat hiburan.
20. Tidak dibenarkan aktiviti berbentuk mempelawa untuk pelacuran (soliciting for prostitution).
21. Pusat hiburan mestilah menutup tempat ini kepada semua pelanggan dan menamatkan segala aktiviti termasuk aktiviti termasuk jualan minuman, makanan dan muzik tepat pada masa tutup yang ditetapkan.
22. Semua pencahayaan mestilah tutup pada waktu operasi tamat.
23. Tiada sebarang mesin radar atau seumpamanya yang berbentuk judi atau yang boleh seseorang pemain daripada mencapai tujuannya.
24. Tidak ada gambar-gambar atau tayangan lucah diadakan di dalam tempat hiburan
25. Dilarang dijadikan tempat sebagai tempat pergaduhan dalam apa bentuk jua pun
26. Lesen ini hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
27. Semua pekerja yang mengendalikan minuman dan makanan di tempat hiburan mestilah mendapat suntikan TY2.
28. Memastikan tiada pekerja tanpa izin atau pekerja-pekerja tanpa permit yang sah bekerja di premis ini.
29. Mematuhi semua syarat-syarat di dalam Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1995 dan Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996.
30. Pegawai Pelesen boleh membatalkan lesen ini pada bila-bila masa jika berlaku mana-mana perlanggaran syarat atau sekatan lesen ini atau mana-mana peruntukan Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1995 dan Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.
31. Lain-lain sekatan dan syarat yang dikemukakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dari masa ke semasa.

C. Syarat-syarat Am

1. Tidak menimbulkan sebarang bentuk kacau ganggu kepada jiran-jiran sekeliling.
2. Tidak dibenarkan melantik atau membenarkan atau menyebabkan adanya “car jockey” berkaitan dengan pusat hiburan ini tanpa mendapat kebenaran Pegawai Pelesen.
3. Tidak dibenarkan meletak sebarang kerusi meja di luar premis untuk pelanggan atau pengunjung
4. Memastikan tandas lelaki dan wanita berasingan dan sentiasa berada dalam keadaan bersih

5. Permohonan pembaharuan Lesen Hiburan akan dilayan seperti permohonan baru pada setiap tahun dan bukanlah menjadi hak mutlak pemohon.
6. Semua permohonan pembaharuan Lesen Hiburan hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 1hb Oktober tahun berkenaan.
7. Sokongan Jabatan Polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat mestilah diperolehi bagi tujuan permohonan Lesen Hiburan.
8. Tidak boleh melakukan perubahan atau pengubahsuaian pada struktur bangunan atau rekabentuk bangunan sehingga menjelaskan keadaan asal pada masa lesen dikeluarkan tanpa mendapatkan persetujuan Pegawai Pelesen.
9. Menjelaskan segala Cukai Hiburan di Pejabat Cukai Hiburan Perbendaraan Negeri Selangor terlebih dahulu.
10. Mesti memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di dalam Tempat Hiburan untuk merakam aktiviti di dalamnya mengikut ketetapan Pegawai Pelesen.
11. Mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Pelesen dari masa ke semasa.
12. Pegawai Pelesen boleh meminda mana-mana syarat di atas budi bicara.